


# 1. Wanita Samaria dan Orang Samaria yang Baik Hati

*Yohanes 4 & Lukas 10*



Yesus di sebuah pekan di Samaria.



Yesus bercakap dengan wanita Samaria dekat perigi.

### Yohanes 4 Yesus dan Perempuan Samaria

Pada suatu hari Yesus tiba di sebuah pekan bernama Sikhar di Samaria yang terletak dekat ladang yang telah diberikan oleh Yakub kepada anaknya Yusuf. Perigi Yakub terletak di situ. Yesus penat kerana lama berjalan, lalu Dia duduk dekat perigi tersebut. Sementara itu para pengikut-Nya pergi ke pekan untuk membeli makanan. Waktu itu tengah hari dan seorang wanita Samaria datang untuk menimba air dari perigi.

Yesus berkata kepadanya, "Sudikah kamu memberi saya air minum?"

Wanita itu menjawab, "Tuan orang Yahudi sedangkan saya orang Samaria. Mengapa tuan meminta minum daripada saya?" *Yohanes 4:9* . . . Orang Yahudi tidak mahu menggunakan cawan dan mangkuk yang pernah digunakan oleh orang Samaria.

Yesus memandang dia dan senyum. Lalu Dia berkata, <sup>10</sup> . . . "Jika kamu tahu akan pemberian Allah, dan siapa yang meminta minum daripadamu, tentu kamu akan meminta minum daripada-Nya, lalu Dia akan mengurniakan air yang memberikan hidup kepadamu."

Dia hairan dengan kata-kata Yesus. Oleh itu, dia berkata, <sup>11</sup> "'Tuan,' kata wanita itu, 'tuan tidak mempunyai timba, lagi pun perigi ini sangat dalam. Dari mana tuan boleh mendapat air yang memberikan hidup?' <sup>12</sup> Nenek

Yesus bercakap dengan wanita itu.



moyang kami, Yakub, memberikan perigi ini kepada kami. Dia, anak-anaknya, dan ternakannya minum dari perigi ini. Adakah tuan menyangka bahawa tuan lebih besar daripada Yakub?"

Yesus menatapnya dan berkata, <sup>13</sup> "... Sesiapa yang minum air ini akan dahaga lagi; <sup>14</sup> tetapi sesiapa minum air yang akan Aku berikan kepadanya, dia tidak akan dahaga selama-lamanya. Air yang akan Aku berikan itu menjadi suatu mata air yang memancar di dalam dirinya, dan memberi dia hidup sejati dan kekal."

Dia tidak memahami kata-kata Yesus tetapi dia ingin tahu lebih lanjut. Oleh itu, dia menjawab, "Berilah saya air itu supaya saya tidak perlu datang di sini untuk menimba air lagi." Yesus memandang dia lagi dengan renungan yang lebih serius dan berkata, "Pergilah panggil suamimu . . . dan kembali di sini." Dia berfikir sekejap lalu berkata, "Saya tiada suami."

Yesus senyum dan berkata, "Kamu berkata benar. Kamu sudah berkahwin lima kali dan lelaki yang tinggal denganmu sekarang bukan suamimu."

Wanita itu merasa malu. Oleh sebab itu dia cuba cepat-cepat menukar tajuk percakapan, "Sekarang saya tahu bahawa tuan seorang nabi. Nenek moyang kami orang Samaria menyembah Tuhan **di gunung ini**, tetapi bangsa tuan, bangsa Yahudi, berkata bahawa hanya di Yerusalem orang dapat menyembah Tuhan."

Yesus menjawab <sup>Yohanes 4:21</sup> "... Percayalah, akan tiba masanya orang tidak lagi menyembah Bapa di gunung ini ataupun di Yerusalem. Penyembah yang benar akan menyembah Tuhan dalam roh dan kebenaran.

Wanita Samaria itu balik ke pekan dan memberitahu orang di sana tentang semua yang dikatakan oleh Yesus. Ramai antara mereka pergi mendengar Yesus di perigi. Banyak lagi yang percaya kepada-Nya selepas mendengar ajaran-Nya.



Wanita: "Tuan orang Yahudi dan saya orang Samaria".



Yesus mengetahui kehidupan lamanya.



Yesus: "Air yang Aku berikan itu menjadi suatu mata air di dalam dirinya, dan memberikan hidup sejati dan kekal."



Ramai orang Samaria percaya kepada Yesus.



Perompak menyerang seorang lelaki dari Yerusalem.



Seorang imam melihat orang yang cedera itu tetapi berjalan lalu di seberang jalan.



Orang Lewi pun berjalan lalu.

### Lukas 10:25 - 37 Perumpamaan tentang Orang Samaria yang Baik Hati

Pada suatu hari seorang pakar Hukum ingin mencari kesalahan Yesus. Oleh itu, dia bertanya kepada Yesus, "Guru, apakah yang saya harus buat untuk mendapat hidup sejati dan kekal?"

Yesus berkata kepadanya, "Apakah yang tertulis di dalam Alkitab? Bagaimana pengertianmu?"

Pakar hukum itu berfikir inilah peluang untuk menunjukkan kepintarannya. Lalu dia menjawab dengan suara yang boleh didengar oleh semua orang: <sup>Lukas 10:27</sup>

" 'Kasihilah Tuhan Allahmu dengan sepenuh hatimu, dengan segenap jiwamu, dengan segala kekuatanmu, dan dengan seluruh akalmu'; dan 'Kasihilah sesama manusia seperti kamu mengasihi dirimu sendiri.' "

Yesus memandang dia dan berkata, <sup>28</sup> "Jawapanmu itu benar. Berbuatlah demikian, dan kamu akan mendapat hidup sejati dan kekal." <sup>29</sup> Tetapi guru Taurat itu hendak membela diri, lalu bertanya, "Tetapi siapakah sesama saya?"

Lalu Yesus menyampaikan suatu cerita, "Pada suatu hari seorang lelaki sedang dalam perjalanan dari Yerusalem menuju Yerikho, apabila dia diserang oleh perompak. Perompak-perompak itu memukul dia dan merampas semua miliknya. Mereka menanggalkan pakaiannya dan meninggalkan dia kerana menganggap dia sudah mati.

Sementara dia terbaring di tanah, seorang imam kebetulan lalu di situ. Apabila dia melihat orang itu, dia menyeberang jalan dan meneruskan perjalanan. Tidak lama kemudian, seorang Lewi lalu di situ. Dia mendekati orang itu untuk melihatnya, lalu menyeberang jalan dan meneruskan perjalanan.



Setelah beberapa waktu, **orang Samaria** lalu di jalan itu. Ketika dia melihat orang itu, hatinya penuh belas kasihan. Maka dia mendekatinya lalu mengubati dan membalut luka-lukanya. Kemudian dia menaikkan orang itu ke atas keldainya sendiri. Dia membawa orang itu ke rumah tumpangan dan merawat dia di situ.

Keesokan harinya orang Samaria itu memberikan dua keping wang perak kepada pemilik rumah tumpangan itu. Dia berkata kepadanya, "Rawatlah lelaki ini. Apabila saya kembali, saya akan membayar anda belanja lebih yang diperlukan."

Yesus memandang orang ramai di sekeliling dan menatap pakar Hukum itu. Yesus bertanya, **Lukas 10:36 "Menurut pendapatmu, di antara ketiga-tiga orang itu, siapakah yang menjadi sesama orang yang dirompak itu?"**

Pakar Hukum itu berkata, **37 ". . . Orang yang menunjukkan belas kasihan kepadanya."** Lalu Yesus berkata, **"Pergilah dan berbuatlah demikian!"**



*Dia menaikkan orang yang cedera itu di atas keldainya sendiri.*



*Dia membayar pemilik rumah tumpangan itu 2 keping wang perak untuk menjaga orang yang cedera.*

## Pelajaran daripada cerita ini

1. Orang Yahudi menganggap orang Samaria sebagai bangsa Yahudi yang tidak tulen dan tidak mahu ada kena-mengena dengan mereka. Misi Yesus adalah memecahkan penghalang antara orang Yahudi dan orang bukan Yahudi, dan membawa penyelamatan daripada Tuhan kepada semua orang. Oleh itu, Dia memecahkan penghalang tradisional antara orang Yahudi dan orang Samaria.
2. Yesus sengaja menggambarkan orang Samaria sebagai wira dalam cerita Orang Samaria Yang Baik Hati. Kasih dan belas kasihan yang sejati ditunjukkan kepada sesiapa saja yang memerlukannya, dan bukan kepada orang yang kamu suka sahaja. Dengan menolong orang Yahudi, yang biasanya menghina dia, orang Samaria itu menunjukkan kasih yang sejati.
3. Imam dan orang Lewi telah mengikut peraturan hukum dengan taat. Tetapi mereka tidak mengikut jiwa dan maksud hukum.

## Soalan Perbincangan

1. Apakah pelajaran yang kamu pelajari daripada pertemuan Yesus dengan wanita Samaria? Bagaimanakah cara Yesus menjangkaunya?  
\_\_\_\_\_
2. Bagaimanakah cerita orang Samaria yang baik hati menyebabkan pakar Hukum Yahudi terkejut?  
\_\_\_\_\_
3. Apakah pelajaran yang kita pelajari daripada cerita orang Samaria yang baik hati?  
\_\_\_\_\_